

# Kes lepas anak keli asing di Selangor, bukan Perak

VM 18/05/24 m/s 33

**SHAH ALAM:** Jabatan Perikanan Selangor (JPS) mengesahkan kejadian melepaskan ribuan anak ikan keli asing berlaku di negeri itu iaitu di Sungai Hulu Bernam, bukannya di Perak.

Pengarahnya, Noraisyah Abu Bakar berkata, berikutan itu, sepasukan pegawai dan kakitangan termasuk dari Pejabat Perikanan Daerah Hulu Selangor diarah menjalankan siasatan dan memantau lokasi terbabit.

"Maklumat awal melaporkan kejadian berlaku di Perak

tetapi kami kemudian mendapati pelepasan ikan keli itu melibatkan Sungai Hulu Bernam di negeri ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sebelum ini, tular video memaparkan tindakan beberapa individu didakwa melepaskan ribuan anak ikan di Sungai Hulu Bernam, Tanjung Malim.

Jelas Noraisyah, beberapa sungai di negeri ini dikenal pasti menjadi habitat spesies ikan asing termasuk Sungai Klang, Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Bernam.